



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM TANGGUH PERLUASAN JKMPAY SEHINGGA KAJIAN SELESAI

PUTRAJAYA, 27 Februari - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) hari ini telah memutuskan untuk **melaksanakan penangguhan kepada perluasan Program Rintis Bayaran Bantuan Kewangan Tanpa Tunai (Cashless) atau dikenali sebagai JKMPay ke Negeri / Daerah lain sehingga Kajian Kebolehlaksanaan Projek Rintis *Cashless* diselesaikan.** Keputusan tersebut telah dimaklumkan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Strategik), Puan Rosmahwati Ishak semasa soal jawab dalam Sesi Libat Urus antara Pertubuhan-Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) Orang Kurang Upaya (OKU) bersama JKJ di Dewan Perdana Nur pada 25 Februari 2022 (Jumaat).

“KPWKM juga akan sentiasa mengambil maklum terhadap isu-isu berbangkit berkaitan kumpulan sasar Kementerian dengan menggunakan pendekatan “*The Whole Government and Whole of Nation*” supaya penggembengan tenaga pelbagai pihak seperti PSK, agensi, korporat, pemimpin tempatan dan komuniti dimanfaatkan bagi menjayakan program khususnya penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada kumpulan sasar”, kata Puan Rosmahwati di sesi libat urus tersebut.

Satu sesi libat urus yang telah selesai dilaksanakan selama dua (2) hari pada 24 dan 25 Februari 2022 di antara KPWKM dan Pertubuhan-Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) Orang Kurang Upaya (OKU) dalam usaha untuk

memberi penerangan berkenaan pelaksanaan Program Rintis Bayaran Bantuan Kewangan Tanpa Tunai (Cashless) atau JKMPay ini. Kementerian juga mengambil maklum terhadap semua maklum balas dan saranan yang telah dikemukakan untuk penambahbaikan perkhidmatan JKMPay pada masa akan datang.

Untuk makluman, hanya seramai 4,722 yang merupakan penerima bantuan baharu dilibatkan dalam program ini yang terdiri daripada kalangan warga emas, keluarga miskin dan OKU. Manakala 519,409 penerima bantuan sedia ada tidak terlibat dalam projek rintis ini dan masih kekal menerima keseluruhan bantuan mereka.

###

Disediakan oleh:

Unit Perhubungan Awam

Jabatan Kebajikan Masyarakat

27 Februari 2022